



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE-145 BIL. 19/2024

TARIKH PENDAFTARAN MASUK KE RESIDEN PELAJAR BAGI PELAJAR KANAN SEMESTER I SESI 2024/2025 DAN PENDAFTARAN KELUAR BAGI PELAJAR SEMESTER III SESI 2023/2024

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Saudara/i,

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan Pemakluman Pentadbiran dan Operasi Pengurusan Pelajar Ke-143 Bil. 17/2024 bertarikh 19 Jun 2024, berkenaan penetapan penempatan residen pelajar bagi sesi akademik 2024/2025 bagi kategori laluan khas, rayuan dan Diplomaambilan Julai 2024 adalah dirujuk.

2. Bagi pelajar kanan yang telah mendapat penempatan residen di dalam sistem MyGading, tarikh pendaftaran masuk residen pelajar adalah seperti berikut:

Tarikh : **5 dan 6 Oktober 2024** (Sabtu dan Ahad SAHAJA).
Masa : **9:00 pagi – 4:00 petang SAHAJA**
Lokasi : Pejabat Residen Pelajar masing-masing (rujuk kelulusan),
manakala penempatan di DHUAM dan Mawaddah adalah di
Dataran Pusat Aktiviti Pelajar (PAP)

3. Merujuk kepada Pekeliling Hal Ehwal Pelajar UMP Bilangan 1 Tahun 2021 berkenaan **MEWAJIBKAN** pelajar pra siswazah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah pengajian Tahun 1 dan Tahun 2 menginap di Residen Pelajar, justeru manamana pelajar tahun 2 yang **TIDAK** membuat permohonan di dalam sistem MyGading, yuran asrama tetap akan dikenakan. Manakala, pelajar tahun 2 yang memohon untuk tinggal di luar asrama, permohonan boleh dipertimbangkan hanya sekiranya penetapan bilik belum lagi dibuat.

4. Bagi pelajar rayuan yang menarik diri dan telah membuat penetapan di dalam MyGading, kelulusan tertakluk kepada Polisi Yuran Asrama Tanpa Pemulangan (No Refund Policy) rujuk Bahagian IV: Panduan Dan Peraturan Kewangan Pelajar (Program Prasiswazah UMP). Pemakluman Pentadbiran & Operasi Pengurusan Pelajar Kali ke 102 Bil 28/2023 kecuali bagi permohonan yang telah diluluskan sahaja.

5. Manakala bagi pelajar semester III sesi 2023/2024 pula, pelajar dikehendaki membuat proses pendaftaran keluar (check out) secara manual dan mengosongkan bilik bermula **24 dan 25 September 2024**. Pelajar yang gagal memulangkan kunci dan mengosongkan bilik tanpa sebab akan dikenakan kadar sewaan RM22/sehari. Pendaftaran keluar bilik adalah di pejabat asrama masing-masing pada waktu pejabat sahaja mulai jam 8:30 pagi – 4.30 petang.

Sebarang pertanyaan boleh hadir secara terus ke pejabat Residen Pelajar atau email kepada residen@umpsa.edu.my. Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

Disediakan oleh,
Pusat Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
23 September 2024



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE-145BIL. 19/2024

REGISTRATION DATE FOR SENIOR STUDENTS FOR SEMESTER 1 SESSION 2024/2025 AND CHECK-OUT REGISTRATION FOR SEMESTER III SESSION 2023/2024

Assalamualaikum and Salam Sejahtera,

In reference to the above matter and the Administrative and Operational Notice for Student Management Session-143 No. 17/2024 dated 19th June 2024, regarding the placement of student residences for the academic session 2024/2025 for special pathway, appeal, and July 2024 Diploma intake categories, is referred.

2. For senior students who have received residence placement in the MyGading system, the residence check-in registration date is as follows:

Date : **5th and 6th October 2024** (Saturday and Sunday ONLY)
Time : **9:00 am – 4:00 pm ONLY**
Location : At the respective Student Residence Office (refer to approval),
whereas placements at DHUAM and Mawaddah are at Dataran RP5.

3. Referring to UMP Student Affairs Circular No.1 of 2021 regarding the MANDATORY requirement for first-year and second-year undergraduates of Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah to stay in Student Residences, any second-year students who DID NOT apply in the MyGading system will still be charged the residence fee. For second-year students who apply to stay off-campus, the application may be considered if room allocation has not yet been made.

4. For appeal students who withdraw and have made arrangements in MyGading, approval is subject to the No Refund Policy. Please refer to Section IV: Student Financial Guidelines and Regulations (Undergraduate Program UMP). Administrative & Operational Notice for Student Management Session-102 No. 28/2023 applies, except for approved applications.

5. For those who registered for semester iii, the checkout process must be manually completed starting from 24th and 25th September 2024. Students who fail to return their keys and vacate their rooms without reason will be charged a rental rate of RM22/day. Room check-out registration is at the respective residence office during office hours only, from 8:30 AM – 4:30 PM.

For any inquiries, you may visit the Student Residence Office directly or email residen@umpsa.edu.my. This notice is for your information and necessary action. Thank you.

Thank you for the students' information and action. Thank you.

Prepared by,

Center for Student Services
Department of Student Affairs & Alumni
September 23rd, 2024